

Pegawai cekap kukuhkan kewangan negara — PM

UM 17 SEP 2002

Oleh ISMAIL DAUD

PUTRAJAYA 16 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kecekapan memungut cukai, tabungan dalam negeri yang besar dan pengurusan kewangan yang baik adalah teras kepada kukuhan kewangan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, dengan dana yang kukuh itu, kerajaan telah dapat membangunkan negara ini termasuk Putrajaya dengan pesat tanpa perlu membuat sebarang pinjaman dari negara atau bank asing.

“Kalau pinjam pun, kita pinjam darinya punca dalam negeri dan kita tidak perlu pinjam dengan banyak,” katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang Kementerian Kewangan dan perasmian bangunan baru Khazanah Malaysia di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, kecekapan mengutip cukai di negara ini boleh dianggap sebagai satu kejayaan besar kerana banyak negara di dunia termasuk negara Eropah tidak dapat memungut cukai terutama cukai pendapatan.

Justeru, katanya, negara-negara tersebut sering menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan untuk menguruskan dan membangunkan negara.

Katanya, beliau amat berbangga dengan kecekapan itu terutama dengan peningkatan jumlah cukai negara sejak dua tiga tahun kebelakangan ini oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan tidak bertujuan membebaskan rakyat dengan pelbagai jenis cukai tetapi golongan yang perlu membayar cukai perlu menunaikan tanggungjawab mereka.

Selain cukai yang meningkat, beliau berkata, Malaysia juga mempunyai tabungan yang besar khususnya oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang kini memiliki dana hampir RM200 bilion.

“Apabila saya beritahu pelawat asing bahawa KWSP sahaja dapat memungut RM1 bilion pada tiap bulan, mereka ikut istilah orang Kedah, tercengang, tidak boleh nak fikir bahawa kita boleh pungut dengan begitu banyak,” katanya.

Perdana Menteri berkata, sumber kewangan yang banyak itu pula telah berjaya diuruskan dengan baik oleh Bank Negara sehingga menarik minat banyak negara asing untuk belajar dari Bank Negara.

Beliau berkata, dengan kedudukan kewangan yang kukuh itu, kerajaan kini sedang berusaha untuk meningkatkan pendapatan per kapita negara.

Katanya, pada masa ini, pendapatan per kapita negara ialah sebanyak RM15,200 (US\$4,000) dan kerajaan yakin jumlah itu akan dapat ditingkatkan menerusi peningkatan produktiviti, kecekapan dan ketekunan bekerja seluruh rakyat.

Dalam pada itu, beliau berharap perpindahan pejabat Kementerian Kewangan ke bangunan baru di Precint 2 Putrajaya itu akan memberikan semangat untuk semua kakitangannya bekerja dengan lebih gih.

“Apabila pentadbiran kewangan menjadi begitu baik, nescaya pertumbuhan ekonomi akan meningkat dengan pesat dan apabila ekonomi tumbuh dengan baik, tidak dapat tidak, kita akan dapat nikmat daripadanya,” kata beliau.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri turut menyentuh mengenai pembangunan pesat Putrajaya, yang satu ketika dahulu sukar dibayangkan kerana kawasan merupakan ladang kelapa sawit.

Katanya, walaupun beliau tidak mungkin dapat melihat Putrajaya selepas dibangunkan sepenuhnya tetapi beliau bernasib baik kerana dapat ‘menjelajahi’ seluruh Putrajaya menerusi simulasi komputer.

“Dari simulasi komputer ini, kita dapat berjalan, melihat bangunan dan juga boleh naik di atas bumbung bangunan. Juga dapat dilihat ialah kalau berlaku banjir, bangunan mana yang akan tenggelam dulu,” kata beliau yang merupakan pencetus dan perancang kepada kewujudan Putrajaya.

Sementara itu, selepas majlis perasmian bangunan baru Khazanah Malaysia itu, Dr. Mahathir telah melawat ke sekitar bangunan tersebut sebelum masuk ke pejabat Menteri Kewangan buat kali pertama.

“Kalaulah diterima peletakan jawatan saya pada 22 Jun itu, tak dapatlah saya masuk dalam bangunan ini tetapi alhamdulillah, saya dapat juga merasai bangunan yang cantik dan indah ini,” kata Dr. Mahathir dalam ucapannya sebelum itu.